

BULETIN PTTA

BIL. 1 | 2021

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Program Anjuran PTTA m.s. 1 – 3

Program Kerjasama PTTA dengan FPTP m.s. 4

Program Khidmat Sosial Korporat PTTA m.s. 5 – 6

Webinar UTHM@PTTA m.s. 7

Baharu di PTTA m.s. 8 – 9

Ucapan dan Penghargaan m.s. 10

Sidang Editor

Penasihat : Zaharah binti Abd Samad

Ketua Editor : Siti Afifah binti Che Ismail

Editor : Norhaslani binti Abd Alim, Aryanti binti Ahmad & Nurul Elmy binti Mohamed Yusof

Penulis : Ahmad Faisal bin Ishak, Amizan bin Masri, Abdul Razak bin Bachok,
Noraslina binti Sailan & Nordiana binti Zaidi

Gambar : Norizan bin Noorman

Grafik : Mohd Iqbal bin Zainal Abidin

BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PROGRAM ANJURAN PTTA

Webinar Kuasa Minda Positif

27 Januari 2021 - Webinar Kuasa Minda Positif 360 bersama YBrs. Prof. Madya Dr. Afandi bin Ahmad, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar merangkap Ikon Membaca UTHM telah dijalankan secara langsung pada 27 Januari 2021. Moderator bagi program ini ialah Pn. Siti Afifah binti Che Ismail, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan (Memangku). Program yang turut dihadiri oleh Ketua Pustakawan, Pn. Zaharah binti Abd Samad ini telah memberi aspirasi dan motivasi kepada semua staf PTTA dalam pembangunan diri masing-masing. YBrs. Prof. Madya juga turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Kuiz Pangkalan Data IOPscience dan SpringerLink pada penghujung program.



Tahniah kepada Pemenang Hadiah Pertandingan Kuiz Pangkalan Data IOPscience dan SpringerLink!!!

Springer Nature Online Quiz Part 1

Tempat Pertama – Puteri Ainul Husna binti Megat Ahmad Arif (FSKTM)

Tempat Kedua – Lee Sin Lan (FKMP)

Tempat Ketiga – Nur Farzana binti Awadzir (FKAAB)

Springer Nature Online Quiz Part 2



Tempat Pertama
Dr. Intan Sue Liana binti Abdul Hamid
 FKEE



Tempat Kedua
Dr. Goh Wan Inn
 FKAAB



Tempat Ketiga
Nurin Syarah Zahrah binti Afandi
 FKAAB

IOP Publishing Online Quiz



Hadiah Utama
Ts. Dr. Mohammad Afifi bin Ayob
 FKEE



Saguhati
Siti Aisyah binti Mohamed
 FSKTM



Saguhati
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Al Emran bin Ismail
 FKMP



Saguhati
Lim Wei May
 FKAAB



BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Program Webinar i-Talk@PTTA - Integriti Nadi Kesejahteraan : Cabaran dan Harapan

1 Mac 2021 - Program Webinar i-Talk@PTTA telah dianjurkan oleh PTTA dengan kerjasama Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum pada 1 Mac 2021. Program bersama YBhg. Tan Sri Johan bin Jaaffar, Tokoh Wartawan Malaysia Ke-12, Profesor Adjung UTHM dan Tokoh Sasterawan UTHM ini telah diadakan dengan kemunculan Pn. Norliah binti Yaakub, Penasihat Undang-Undang UTHM sebagai moderator. Pada kali ini, i-Talk@PTTA adalah bertajuk Integriti Nadi Kesejahteraan : Cabaran dan Harapan. Selain daripada disertai oleh 612 warga kampus, program ini juga turut disertai oleh pegawai-pegawai perundangan dan para pentadbir daripada luar UTHM.



Taklimat Bersama PTTA - Minggu Transformasi Mahasiswa Baharu Program Sarjana Muda Semester II Sesi 2020/2021

15 Mac 2021 - Pada 15 Mac 2021, PTTA turut menjayakan Program Minggu Transformasi Mahasiswa Baharu Program Sarjana Muda Semester II Sesi 2020/2021 dengan menyampaikan taklimat mengenai kemudahan, perkhidmatan dan koleksi yang disediakan oleh PTTA serta kaedah capaian bahan rujukan secara dalam talian. Sesi perkongsian telah disampaikan oleh En. Ahmad Faisal bin Ishak, Pustakawan Kanan, Unit Promosi dan Penghubung Fakulti secara dalam talian melalui platform YouTube kepada pelajar baharu UTHM di seluruh negara.



BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Sustainable Development Goals in Southeast Asia and Its Impact to Research

A workshop featuring leading organizations supporting the research community – Springer Nature & Times Higher Education

Date: Wednesday, March 17th, 2021
Time: 2:00pm - 5:30pm

Link To Register: <http://bit.ly/3rPMvEg>

Agenda:

- 2:00 - 2:15 pm: Welcome and introduction of Springer Nature & Times Higher Education
- 2:15 - 2:45 pm: Research & the SDGs: An editor's perspective
- 2:45 - 3:15 pm: Redefining university excellence: How the SDGs are driving new performance metrics & helping to re-frame university rankings
- 3:15 - 3:30 pm: Break
- 3:30 - 4:00 pm: SDGs - Changing the Narrative of Researches and Publications
- 4:00 - 4:15 pm: Q&A session
- 4:15 - 5:15 pm: Panel discussion
- 5:15 - 5:30 pm: Closing remarks

The Speakers:

- Dr. Philip Campbell, Editor in Chief of Springer Nature
- Dr. Phil Bray, Chief Knowledge Officer, Times Higher Education (THE)
- Assoc. Prof. Dr. Zainal Saad, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Dr. Niky Banerjee, IIM Bangalore, India
- Dr. Shakerata Thilsted, Huzhou
- Dr. Anand Bopprej, IIT Bombay

Register today: [CLICK HERE : http://bit.ly/3rPMvEg](http://bit.ly/3rPMvEg)

Webinar "Sustainable Development Goals in Southeast Asia and Its Impact to Research"

17 Mac 2021 - PTTA dengan kerjasama oleh Springer Nature dan Times Higher Education telah mengadakan Webinar "Sustainable Development Goals in Southeast Asia and Its Impact to Research" pada 17 Mac 2021. Beberapa panel daripada dalam dan luar negara terlibat dalam menjayakan webinar ini.



PTTA melanggan kepada pangkalan data terbitan **SPRINGER NATURE** yang boleh diakses melalui (EZproxy)

Kelas Literasi Maklumat Bagi Pelajar Baharu Program Sarjana Muda Semester II Sesi 2020 / 2021

21 Mac hingga 1 April 2021 - Kelas Literasi Maklumat bagi Program Sarjana Muda Semester II Sesi 2020 / 2021 telah dijalankan bermula 21 Mac hingga 1 April 2021. Kelas secara dalam talian ini diuruskan oleh Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan yang diketuai oleh En. Shahrul Md. Rizal bin Shamshuri, Pustakawan Kanan Unit Pendidikan Pelanggan. Seramai 343 pelajar yang telah menyertai kelas ini diberi pendedahan mengenai perkhidmatan, kemudahan, kaedah carian dan tempahan bahan sama ada bercetak atau dalam talian serta cara mengakses bahan dalam talian dari luar kampus.



07 453 3318/9



010 355 2120



pttauthm



ptta.uthm.edu.my

BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PROGRAM KERJASAMA PTTA DENGAN FPTP



FREE EVENT

POSTGRADUATE TALK

All postgraduate students are invited!

HOW TO WRITE A GOOD RESEARCH PROPOSAL


By Assoc. Prof. Dr. Md Asrul Nasid bin Masrom
Deputy Dean (Research, Development & Publication)

02/02 2021
Tuesday 11.00 A.M.

Meeting ID: 942 8435 8617
Passcode: fftp2021

Organized by **FPTP** Harmony

TUNKU TUN AMINAH LIBRARY



Postgraduate Talk Series 5/2021

Introduction to Literature Review

By Assoc. Prof. Dr. Alina Shamsuddin
Department of Management & Technology
Faculty of Technology Management and Business

Free Event!

17/2 | Wednesday 2021 | 2.30 - 4.30 P.M.

Meeting ID: 935 2717 6819
Passcode: fftp2021

Organized by **FPTP** Harmony

TUNKU TUN AMINAH LIBRARY



PROFESSOR DR. ZAFIR KHAN BIN MOHAMED MAKHBUL

2017 National Book Award
Published More Than 35 Research Books
29 PhD and Master Students (19 completed)
Examiner for 50 PhD Thesis


SUPERVISION TIPS AND TRICKS

Date: 9 March 2021 (Tuesday)
Time: 2.30pm - 4.30pm
Venue: Zoom

Organized by **FPTP** Harmony

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

MBA @ UTHM
Enabler for Excellence



Postgraduate Talk Series

How To Define Your Research Paradigm

By Assoc. Prof. Dr. Mohd Lizam bin Mohd Diah
Department of Real Estate Management
Faculty of Technology Management and Business

Free Event!

11/3 | Thursday 2021 | 2.30 - 4.00 P.M.

Meeting ID: 910 7494 5237
Passcode: fftp2021

Organized by **FPTP** Harmony

TUNKU TUN AMINAH LIBRARY

Sepanjang bulan Februari dan Mac 2021, sebanyak tiga Program Postgraduate Talk telah dijalankan oleh Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) dengan kerjasama PTTA. Program ini melibatkan penceramah daripada fakulti ini yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Md Asrul Nasid bin Masrom, Prof. Madya Dr. Alina bin Shamsuddin dan Prof. Madya Dr. Mohd Lizam bin Mohd Diah. Selain itu, Program Supervision Tips and Tricks juga telah diadakan dengan penampilan Prof. Dr. Zafir Khan bin Mohamed Makhbul, daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada 9 Mac 2021. Semua program ini adalah terbuka kepada pelajar pasca siswazah UTHM.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pensyarah daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam mengadakan program kerjasama dengan Perpustakaan Tunku Tun Aminah. Semoga jalinan kerjasama ini akan berterusan pada masa akan datang. . .



07 453 3318/9



010 355 2120



pttauthm



ptta.uthm.edu.my

BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PROGRAM KHIDMAT SOSIAL KORPORAT PTTA

Kolej Kediaman Kampus Pagoh

25 Februari 2021 - PTTA telah membuat sumbangan perabot sebanyak 12 unit sofa, 8 unit karek dan 42 naskhah bahan bacaan untuk kegunaan Ruang Bacaan Kolej Kediaman Kampus Pagoh. Sumbangan telah disampaikan oleh wakil PTTA, En. Suhaimi bin Mohd Sukor, Pengarah Bahagian Pengurusan Kualiti, Aset dan Fasiliti bersama dengan En. Ahmad Faisal bin Ishak, Pustakawan Kanan Unit Promosi dan Penghubung Fakulti pada 25 Februari 2021.



Pusat Pengajian Tahfiz al-Wasit UTHM

28 Februari 2021 - Beberapa staf PTTA telah dilantik sebagai Sukarelawan Program Pengajian al-Wasit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan telah terlibat dalam kerja-kerja pembangunan Pusat Pengajian Tahfiz al-Wasit pada 28 Februari 2021. Para sukarelawan daripada PTTA bersama-sama dengan staf daripada jabatan lain telah bergabung tenaga dalam proses mengecat, menyusun atur perabot dan membantu semua persiapan lain dalam pembangunan pusat tahfiz ini.



BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Ma'had Tahfiz Al-Quran Al-Muttaqin

24 Mac 2021 - Ahli Jawatankuasa Khidmat Sosial Korporat PTTA dengan kerjasama Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ) UTHM telah menjalankan misi menaik taraf Pusat Sumber Ma'had Tahfiz Al-Quran Al-Muttaqin, Bukit Pasir, Muar, Johor. Projek ini telah dirancang sejak tahun 2020 dengan bantuan kutipan kewangan wakaf yang dijalankan oleh ISWAJ. Projek menaiktaraf dilakukan secara berperingkat dan pada 24 Mac 2021, seramai 10 staf PTTA telah turun padang untuk menghantar barang dan perabot serta mengemas pusat sumber tersebut sebagai persiapan awal sebelum projek seterusnya dijalankan pada bulan April nanti.



Lawatan Tapak ke Sudut Bacaan Terbuka Kampus Pagoh

24 Mac 2021 - PTTA dengan kerjasama pihak pengurusan Kampus Pagoh merancang untuk menyediakan Sudut Bacaan Terbuka untuk kegunaan warga kampus sejak tahun 2020 lagi. Oleh itu, pada 24 Mac 2021, Ahli Jawatankuasa Khidmat Sosial Korporat PTTA telah membuat lawatan tapak ke sudut bacaan tersebut untuk memudahkan perancangan menyediakan sudut bacaan ini kelak.



Pusat Sumber Sekolah Agama Senai Utama

30 dan 31 Mac 2021 - PTTA aktif dalam menjalankan program Corporate Social Responsibility (CSR) atau Program Khidmat Korporat. Baru-baru ini iaitu pada 30 dan 31 Mac 2021, seramai 16 staf PTTA telah terlibat dalam kerja-kerja menaik taraf Pusat Sumber di Sekolah Agama Senai Utama, Senai, Johor. Dengan komitmen semua pihak, pusat sumber sekolah ini berjaya dinaik taraf dengan jayanya dan Guru Besar sekolah ini iaitu Ustazah Sarifah binti Sadri berbesar hati untuk menyampaikan sijil penghargaan kepada staf terlibat.



BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

WEBINAR UTHM@PTTA

Majlis Amanat Naib Canselor 2021 - 1 Februari 2021



Majlis Perhimpunan Pagi Bersama Naib Canselor Bil. 1/2021 - 24 Februari 2021



Program Sembang Santai Bersama Pak Yem : Menakhoda Kecemerlangan Pentadbir Universiti - 3 Mac 2021



Majlis Amanat Naib Canselor dan Ikrar Mahasiswa Sempena Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) Program Sarjana Muda Semester II Sesi 2020/2021 - 17 Mac 2021




BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH


BAHARU DI PTTA

Sistem Pengurusan Perpustakaan Baharu : Sistem Koha

PTTA terus komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna perpustakaan. Pada awal tahun 2021, PTTA telah mula menggunakan sistem pengurusan perpustakaan yang baharu iaitu Sistem Koha yang lebih mesra pengguna dan stabil. Semua kerja perpindahan data dan ujilari selesai tepat pada masanya. Kini, semua pengguna akan membuat carian melalui **PTTA Search** atau Online Public Access Catalog (OPAC) dan membuat **semakan akaun** menggunakan paparan baharu Sistem KOHA. Pembaharuan pinjaman bahan adalah perlu menggunakan sistem baharu ini.



PTTA Search



Akaun Pengguna PTTA

Pintu Keselamatan Turnstile Kini Beroperasi




BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Lestari Lounge Sedia untuk Digunakan Bermula Februari 2021

Lestari Lounge merupakan kemudahan terbaharu yang ditawarkan di PTTA. Pemilihan nama adalah bertepatan dengan konsep dan idea dekorasi yang bertemakan kehijauan alam semulajadi. Setelah penat meneroka selautan ilmu dan hikmah di celah-celah rak, anda semua bolehlah bersantai-santai seketika di ruangan ini sambil menikmati secawan kopi dan makanan ringan yang disediakan di sini.



Ruang Bacaan Tan Sri Johan Jaaffar Berwajah Baharu



BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

UCAPAN DAN PENGHARGAAN



Tahniah dan Selamat Maju Jaya kepada Pelajar Latihan Industri di PTTA



07 453 3318/9



010 355 2120



pttauthm



ptta.uthm.edu.my